



## **KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

### **SITUASI TERKINI JANGKITAN 2019-nCoV DAN PENGESANAN KES BAHARU DI MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) terlebih dahulu ingin memaklumkan bahawa sehingga 10 Februari 2020, tiga (3) kes positif jangkitan 2019-nCoV telah pulih sepenuhnya dan dibenarkan pulang.

Dua daripada pesakit tersebut pulih sepenuhnya dengan diberikan rawatan simptomatik manakala seorang lagi pesakit pulih setelah diberikan rawatan ubat antiviral Kaletra.

#### **KES BAHARU IAITU KES KE-18**

Berhubung kes baharu iaitu kes ke-18 yang dimaklumkan pada awal tadi, kes ini telah dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh dan sedang menerima rawatan. Aktiviti pengesanan kontak telah dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dimana seramai 22 kontak rapat telah dikesan. Daripada jumlah tersebut, tiga (3) orang adalah terdiri daripada ahli keluarga dan baki 19 orang merupakan anggota kesihatan. Aktiviti pengesanan kontak masih dijalankan untuk mengenal pasti kontak-kontak rapat yang lain. Aktiviti pencegahan dan kawalan termasuk pendidikan kesihatan telah diberikan.

#### **PENGESANAN KONTAK RAPAT**

Aktiviti pengesanan kontak rapat merupakan salah satu aktiviti pencegahan dan kawalan yang dijalankan bagi memastikan penularan penyakit berjangkit dapat dibendung. Kontak-kontak rapat yang dikesan terdiri daripada mereka yang berhubung rapat dengan kes yang disahkan positif. Ini terdiri daripada mereka yang mempunyai kontak rapat dalam lingkungan satu meter dengan kes positif 2019-nCoV seperti anggota kesihatan yang merawat kes tanpa memakai *Personal Protective Equipment* (PPE) yang disarankan dan tinggal

dalam satu rumah yang sama. Kontak rapat ini akan dikenal pasti oleh anggota kesihatan KKM semasa siasatan dijalankan. Orang awam diseru untuk sentiasa memberi kerjasama semasa siasatan bagi memastikan aktiviti ini dapat dijalankan dengan lebih berkesan dan mengikut nasihat yang disarankan oleh pihak KKM.

### **JUMLAH KUMULATIF KES 2019-nCoV**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa jumlah kumulatif kes 2019-nCoV yang dilaporkan sehingga hari ini adalah sebanyak **18 kes**; iaitu lapan (8) kes dalam kalangan kes *Patient-Under-Investigation* (PUI) jangkitan 2019-nCoV, lapan (8) kes dalam kalangan kontak rapat dan dua (2) kes dalam kalangan rakyat Malaysia yang dibawa pulang dengan Misi Bantuan Kemanusiaan. Daripada jumlah tersebut, dua belas (12) kes adalah warganegara China dan enam (6) orang adalah warganegara Malaysia. Daripada dua belas (12) kes positif ini, sebanyak tiga (3) kes telah discaj daripada wad. Bagi tiga (3) kes yang telah discaj, mereka telah menjalani ujian pengesanan ulangan 2019-nCoV dan didapati negatif sebanyak dua (2) kali berturut-turut.

KKM ingin menasihatkan semua warga KKM untuk lebih peka kepada situasi semasa berkaitan 2019-nCoV bagi memperkukuhkan kesiapsiagaan dan respon terhadap penyakit ini. Orang awam juga dinasihatkan, sekiranya bergejala dalam tempoh 14 hari selepas pulang dari lawatan ke negara China untuk maklumkan sejarah perjalanan anda kepada pengamal perubatan yang menjalankan pemeriksaan.

KKM juga ingin menyeru orang ramai sekiranya memerlukan penerangan mengenai penyakit ini atau ingin mendapatkan maklumat lanjut berhubung sesuatu kejadian penyakit, hubungilah hotline di CPRC Kebangsaan di talian berikut:

03 88810200/ 03 88810600/ 03 88810700

Atau emel: [cprc@moh.gov.my](mailto:cprc@moh.gov.my)

**DATUK SERI DR. DZULKEFLY AHMAD**  
Menteri Kesihatan Malaysia

10 Februari 2020

**Jadual 1: Ringkasan Kes PUI 2019-nCoV  
Sehingga Jam 10:00 Pagi; 10 Februari 2020**

<b>Warganegara</b>	<b>Positif</b>	<b>Negatif</b>	<b><i>Pending</i></b>	<b>Jumlah</b>
Malaysia	2	236	6	244
China	6	109	6	121
Lain-lain	0	7	1	8
<b>Jumlah</b>	<b>8</b>	<b>352</b>	<b>13</b>	<b>373</b>

**Jadual 2: Ringkasan Kontak Rapat Kes 2019-nCoV  
Sehingga Jam 10:00 Pagi; 10 Februari 2020**

<b>Warganegara</b>	<b>Positif</b>	<b>Negatif</b>	<b><i>Pending</i></b>	<b>Jumlah</b>
Malaysia	2	54	4	60
China	6	40	0	46
Lain-lain	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>	<b>8</b>	<b>94</b>	<b>4</b>	<b>106</b>

**Nota:** Kenyataan Akhbar YB Menteri Kesihatan yang bertarikh 5 Februari 2020 telah memaklumkan mengenai dua (2) warganegara Malaysia yang dibawa pulang melalui Misi Bantuan Kemanusiaan yang telah dikesan positif dan baki 131 adalah negatif 2019-nCoV.